

“Muslim Brothers and sisters, in the name of Allah you are called to jihad...If we lose this battle against shaitan then Islam is lost. This is the last battle, this is the final jihad.”

Ini adalah sebahagian daripada tulisan Profesor Muhammad Al-Mahdi dalam satu mesej bertajuk *The Final Jihad*.


Lebih menarik, aktivis Islam berbangsa Amerika ini suatu ketika dahulu tidak pernah mempercayai kewujudan Tuhan. Dibesarkan oleh ibu bapa berfahaman athies, dia sering berkata, dialah orang yang terakhir akan mempercayai Tuhan.

Hari ini, Profesor Muhammad adalah antara mereka yang mengajak umat Islam di seluruh dunia berjihad melawan godaan syaitan.

Faktor inilah yang menarik saya menghubunginya. Biarpun baru selesai menjalani rawatan kanser, beliau kelihatan ‘sihat’ untuk berbicara mengenai hidup dan perjuangannya.

Air mukanya yang bersemangat pada pagi Jumaat itu, membuatkan saya sukar meneka sebesar manakah penderitaan yang terpaksa ditanggung oleh pesakit kanser peringkat akhir sepertinya. Tidak ada penawar untuk kanser peringkat ini. Malah doktor pernah memberikan tempoh hidup selama tiga bulan kepadanya.

Apapun, dengan kuasa Allah s.w.t., setakat rencana ini ditulis, Profesor Muhammad masih lagi hidup dan bekerja selama 12 jam sehari bagi meneruskan



JIHAD TERAKHIR

PROFESOR MUHAMMAD AL-MAHDI

oleh MAIZURA MOHD EDERIS

perjuangannya yang dirumuskan sebagai “Makna Jihad Yang Terakhir”.

Profesor Muhammad adalah pengasas *Islamic-world.net*, sebuah laman web mengenai Islam yang terbesar di dunia, dilawati sebanyak 1.5 juta kali dalam sebulan oleh pelawat daripada 130 negara.

Beliau pengasas Projek Khalifah, satu projek yang menumpukan kepada usaha membesarkan kanak-kanak dengan karakter Islam yang cemerlang. Setakat ini, Projek Khalifah diterima dengan baik di Malaysia, Afghanistan, Bangladesh,

Mesir, Cina, Amerika Syarikat, Australia, Bosnia, Sweden dan Arab Saudi.

Mengimbas ke belakang, Profesor Muhammad dilahirkan dan dibesarkan di Amerika Syarikat dalam masyarakat yang tidak mempercayai kewujudan Tuhan. Memasuki alam dewasa, beliau menjadi semakin yakin bahawa Tuhan tidak wujud.

Bagaimanapun, kepercayaan ini goyah apabila beliau menyertai angkatan tentera Amerika Syarikat untuk dilatih dalam bidang elektronik nuklear dan teori fizik. Setelah memahami logik dalam Teori

“Mereka hanya mewarisi amalan spritual, bukan ilmu pengetahuan yang berbentuk spritual. Mereka tidak tahu teologi Islam, kepercayaan terhadap Islam yang lebih daripada amalan seharian. Orang Islam sepatutnya ada ilmu yang objektif,”

Asas Relativiti dan Teori Khusus Relativiti yang diperkenalkan oleh Dr Albert Einstein, barulah beliau menyedari akan kewujudan Tuhan.

“Oh, No!”

Inilah dua ayat pertama yang terbetik di dalam hatinya. Beliau sungguh terkejut kerana selama ini beliau begitu yakin dengan penemuan sains materialis bahawa Tuhan tidak ada.

“Tidak lama kemudian saya sedar bahawa jika saya mahu menjadi seorang saintis yang jujur, saya mesti menerima data saintifik yang mengesahkan secara terang bahawa Tuhan ada.”

Dalam tempoh empat tahun mempelajari fizik dan dilatih di sebuah makmal penyelidikan terkemuka Amerika Syarikat, Profesor Muhammad berpeluang bekerja dengan beberapa pemenang Anugerah Noble dalam bidang Fizik. Beliau mengakui pengajian fiziklah yang menukarkan dirinya daripada bukan-Muslim kepada Muslim. Namun, beliau tidak menjadi Muslim dalam sekelip mata. Beliau merantau ke seluruh pelusuk dunia untuk mencari agama. Beliau pergi ke India, Thailand dan Kemboja untuk mempelajari agama Buddha dan Hindu.

“Selama beberapa tahun saya mempelajari tiga agama iaitu Hindu, Buddha dan Kristian. Masa itu tidak fikir langsung tentang Islam. Di Amerika, minda kami di ‘basuh’ bahawa Islam itu tidak bagus,” katanya.

Selepas mengkaji ketiga-tiga agama itu, beliau tidak nampak logik di dalamnya kerana agama berkenaan meminta dia melakukan perkara-perkara yang tidak dapat diterima oleh saintis.

“Sebagai contoh, Kristian memisahkan sains dan agama. Saya tidak yakin. Jadi, saya pun mencari agama lain.”

Profesor Muhammad kemudiannya membaca terjemahan dan tafsir al-Qur’an oleh Yusuf Ali. Selain itu, turut membaca

banyak buku yang merangkumi pelbagai topik mengenai Islam.

“Al-Qur’an mengesahkan semua perkara yang saya sudah pun tahu sebagai benar sebelum ini. Saya dapat jawapan yang tidak pernah saya dapat sebelum ini,” katanya.

Beliau mengakui berasa terlalu gembira kerana menemui agama yang membolehkan beliau bersikap jujur sebagai saintis. Namun begitu, beliau tidak menemui seorang Muslim pun dalam tempoh lima tahun selepas mengkaji isi al-Qur’an. Apa pun, beliau tetap yakin bahawa beliau sudah pun menganut agama Islam dalam tempoh itu.

“Ini hanya berlaku antara saya dengan Allah s.w.t. Tidak ada orang lain jadi saksi.”

Seterusnya, Profesor Muhammad berhijrah ke Indonesia untuk mendekati masyarakat Islam.

Alangkah terkejut apabila beliau mendapati penghayatan Islam di kalangan masyarakat Indonesia tidak sama seperti penghayatan yang tercatat di dalam al-Qur’an.

“Mereka hanya mewarisi amalan spritual, bukan ilmu pengetahuan yang

berbentuk spritual. Mereka tidak tahu teologi Islam, kepercayaan terhadap Islam yang lebih daripada amalan seharian. Orang Islam sepatutnya ada ilmu yang objektif,” katanya.

Pengamatan terhadap masyarakat Islam sering menimbulkan pertanyaan, kenapa umat Islam amat lemah dalam mengamalkan ajaran sebenar agama ini? Apabila pengetahuan Islamnya semakin mendalam, beliau akhirnya menemui Konsep Khalifah.

“Orang Islam lemah kerana mereka abaikan fakta bahawa Allah cipta mereka untuk jadi khalifah. Allah beritahu ini banyak kali,” katanya.

Surah al-Baqarah, ayat 30 antaranya bermaksud, “*Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi.*”

Justeru, beliau mengasaskan Projek Khalifah yang bertujuan menarik perhatian ummah kepada kenyataan paling terang di dalam al-Qur’an iaitu Allah s.w.t. menciptakan manusia melalui Adam a.s. untuk menjadi khalifahNya di muka bumi ini.

Menjadi khalifah, bermaksud bertindak mengikut kehendak Allah s.w.t. bukan mengikut kehendak diri sendiri atau kehendak syaitan.

Mengenai Projek Khalifah, Profesor Muhammad berkata, beliau memilih untuk mendidik kanak-kanak kerana lebih mudah untuk membangunkan satu generasi kanak-kanak berbanding orang dewasa.

Projek ini diasaskan dengan wangnya sendiri dan bantuan daripada dermawan Muslim yang percaya dapat mengubah dunia dengan cara mengubah generasi. Tidak sukar untuk berurusan dengan kanak-kanak kerana Profesor Muhammad memiliki tiga ijazah doktor falsafah dalam bidang psikologi kanak-kanak.

“Selama beberapa tahun saya mempelajari tiga agama iaitu Hindu, Buddha dan Kristian. Masa itu tidak fikir langsung tentang Islam. Di Amerika, minda kami di ‘basuh’ bahawa Islam itu tidak bagus,”

Islam sedang berkembang hebat dengan kira-kira 1.2 bilion penduduk di dunia ini. Orang Islam juga mempunyai senjata yang hebat iaitu ilmu pengetahuan dan cara hidup yang superior berbanding agama lain. Selain itu, Allah s.w.t. juga sentiasa menyebelahi umat Islam

“Jika kamu mahu membuat perubahan besar dalam diri manusia, kamu kena mula ketika mereka masih kecil.”

Selain mendidik kanak-kanak, Profesor Muhammad juga berjihad dengan cara menyebarkan ilmu pengetahuan, idea dan cara hidup Islam melalui internet.

Laman web yang diasaskannya banyak mencabar fahaman sekular materialis dari barat. Antara topik yang menarik di dalam laman web berkenaan adalah *Modern Science Finds God*.

Menurutnya, fahaman sekular materialis dari barat sekarang telah menjauhkan fikiran umat Islam daripada Allah s.w.t., merampas masa depan kanak-kanak Islam, menanamkan pemikiran tidak percaya kepada Tuhan di dalam minda kanak-kanak, tidak menghormati ibu bapa dan orang tua, menjadi mudah putus asa, mengabaikan ilmu pengetahuan dan mencintai gaya hidup yang bersandarkan pada keseronokan semata-mata.

Mengenai barat, katanya, mereka sekarang amat kuat dari segi ekonomi dan ketenteraan. Mereka gunakan kuasa perang dan ekonomi untuk membentuk imej gagah di mata dunia. Mereka juga memiliki alat propaganda yang efektif untuk mempengaruhi dunia.

“Lihatlah betapa hebat usaha ‘memasuh minda’ masyarakat dunia melalui berita, filem, muzik popular dan fesyen.”

Justeru, adalah menjadi tanggungjawab setiap umat Islam untuk menentang pengaruh barat. Malangnya sekarang, amat sedikit di kalangan umat Islam yang mahu menunaikan tanggungjawab ini.

Bercakap tentang pengaruh barat, saya terus bertanya apa pandangannya mengenai jihad perang.

“Barat kuat dari segi ketenteraan. Jika menggunakan pedang, pistol atau bom, kita mungkin tidak ada peluang untuk menang. Jihad dengan akal fikiran akan lebih memenangkan kita kerana dalam al-Qur’an terdapat semua jenis ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan jauh lebih hebat daripada pedang,” jawabnya.

Sambungannya lagi, Islam sedang berkembang hebat dengan kira-kira 1.2 bilion penduduk di dunia ini. Orang Islam juga mempunyai senjata yang hebat iaitu ilmu pengetahuan dan cara hidup yang superior berbanding agama lain. Selain itu, Allah s.w.t. juga sentiasa menyebelahi umat Islam.

“Kalau kita gunakan kelebihan ini, saya yakin kita akan menang,” katanya.

Dari soal jihad dan pengaruh barat, saya kembali ke topik yang lebih dekat dengan dirinya. Saya ingin tahu apa perasaannya apabila disahkan sebagai pengidap kanser tahap keempat iaitu tahap terakhir.

“Sebagai Muslim, saya tak fikir mati itu satu benda yang buruk. Malah saya tidak sabar hendak mengetahui apa yang menanti di alam seterusnya. Ya, memang ada masanya saya rasa terlalu sakit. Tapi saya mesti terus bekerja. Saya tak mahu buang masa. Saya lebih fokus sekarang. Saya kerja selama tujuh hari seminggu,” katanya.

Mengenai pengiktirafan masyarakat terhadap jasanya, Profesor Muhammad berkata, ilmu lebih penting daripada orang.

“Saya tak rasa diri saya sebagai model yang ideal untuk Muslim. Ramai lagi Muslim lain yang lebih baik daripada saya. Ilmu itu hak Allah s.w.t. Saya sekadar menyampaikan. Saya tak perlukan pengiktirafan,” katanya. Kami juga bertukar pendapat mengenai khabar angin personaliti terkenal dari barat yang kononnya memeluk Islam seperti Niel Armstrong dan Lady Diana.

“Umat Islam suka perbesar hal ini. Mereka rasa mereka menang kalau ini berlaku. Secara relatif, saya rasa ini tidak penting. Adakah kepercayaan kita kepada Tuhan akan meningkat kalau Pope masuk Islam? Bagi saya, yang lebih penting, apa sumbangan umat Islam kepada agamanya. Bukan sekadar meraikan berita personaliti terkenal memeluk agama Islam,” katanya.

Banyak lagi yang saya buatkan dengan Profesor Muhammad pada pagi itu. Namun, di akhir pertemuan, ada sepotong kata-katanya yang begitu kuat melekat di dalam ingatan saya.

“*This is the battle that we cannot lose.*” katanya merujuk kepada jihad melalui ilmu pengetahuan.

Saya percaya pada kata-kata ini. Umat Islam boleh menang kalau berlawan menggunakan ilmu. Kerana ilmu yang kita miliki adalah bersandarkan kepada wahyu yang diperturunkan kepada nabi. Bukan berlandaskan kepada akal semata-mata seperti yang dimiliki puak-puak sekular materialis dari barat. **MM**